



LOKASI TAMBAHAN DARUL QURAN ADDIN TAPAH

KAMPUNG JALAN KACHU,

35000 TAPAH,

PERAK DARUL RIDZUAN

**BUKU PANDUAN KEWANGAN
PELAJAR DIPLOMA 2025**

ISI KANDUNGAN

NO	KANDUNGAN	MUKA SURAT
1.	PENGENALAN	1
2.	YURAN	
	2.1 Yuran Pendaftaran	2
	2.2 Yuran Pengajian	3
	2.3 Yuran Perkhidmatan Semester	4
	2.4 Yuran Keperluan	4
	2.5 Senarai Buku dan Kitab	5-6
	2.6 Kadar Pembayaran Keseluruhan Yuran	7
	2.7 Kaedah Pembayaran Yuran Pelajar	8
	2.8 Tajaan	9
	2.9 Tarik Diri/ Tangguh Pengajian	9
	2.10 Semakan Akaun Yuran Pelajar	9
3.	DENDA	10
4.	TABUNG BANTUAN KEPADA PELAJAR	10
	4.1 Skim Galakan Tahfiz	10
	4.2 Tabung Amanah Zakat	10
	4.3 Bantuan Baitulmal MAIPK	11
5.	PEMOHONAN SUMBER BAGI PENGURUSAN KEWANGAN AKTIVITI MAHASISWA	
	5.1 Kaedah Perlaksanaan Program	12
	5.2 Kaedah Pengurusan Pendapatan Program	12
	5.3 Kaedah Pengurusan Perbelanjaan Program	12
6.	DIREKTORI	13

1. PENGENALAN

Jabatan Pentadbiran dan Kewangan Lokasi Tambahan Darul Quran ADDIN Tapah merupakan satu jabatan yang bertanggugjawab menguruskan semua hal-ehwal kewangan Institusi. Kami menyediakan perkhidmatan kewangan kepada semua warga Institusi termasuk pelajar. Kami bertekad untuk memberikan perkhidmatan kewangan yang amanah, cekap dan proaktif selaras dengan moto dan matlamat Institusi.

Buku Panduan Kewangan Pelajar Diploma ini mengandungi peraturan yang perlu dipatuhi dan panduan yang perlu diketahui oleh semua pelajar Diploma ADDIN. Di dalam buku ini mengandungi beberapa bahagian yang merangkumi kadar yuran dan kaedah pembayaran yuran, bantuan kepada pelajar dan pengurusan kewangan aktiviti pelajar. Semua pelajar hendaklah memahami kandungan buku ini. Semua yuran hendaklah dijelaskan bagi mengelakkan tindakan diambil ke atas pelajar.

Panduan dan peraturan yang dinyatakan mungkin akan mengalami perubahan dari masa ke semasa. Sebarang perubahan akan dimaklumkan dalam pekeliling Jabatan Pentadbiran dan Kewangan yang akan dimasukkan ke dalam laman sesawang atau melalui saluran media sosial. Kami berharap dengan adanya buku ini dapat membantu pelajar sepanjang berada di sini untuk menimba ilmu dan pengalamannya seterusnya menjadi insan yang bermanfaat untuk agama, negara dan bangsa.

2. YURAN

Yuran Institusi terbahagi kepada **EMPAT** komponen seperti berikut :

2.1 YURAN PENDAFTARAN

Yuran pendaftaran dikenakan setiap semester sepanjang pengajian di Institusi. Pembayaran yuran semester adalah berbeza mengikut semester ganjil dan genap. Yuran pendaftaran hendaklah dibayar semasa pelajar mendaftarkan diri ke Institusi. Maklumat yuran pendaftaran adalah seperti berikut :

I. SEMESTER GANJIL (Semester satu, tiga dan lima)

BIL.	PERKARA	(RM)
1.	Takaful	12
2.	Yuran Sistem Maklumat	25
3.	Yuran JPM ADDIN	38
4.	Yuran Persatuan Mahasiswa ADDIN	60
5.	Pengurusan Asrama	125
6.	Keselamatan dan Kesihatan	25
7.	Yuran Sukan ADDIN	30
8.	Yuran Kelab	25
9.	Tabung Pembangunan	30
10.	Pusat Sumber/Makmal Komputer	10
11.	Yuran Peperiksaan	125
	JUMLAH	505

*Kadar yuran di atas tertakluk kepada pindaan 2025.

II. SEMESTER GENAP (Semester dua, empat dan enam)

BIL.	PERKARA	(RM)
1.	Pengurusan Asrama	125
2.	Keselamatan dan Kesihatan	25
3.	Yuran Sukan ADDIN	30
4.	Yuran Kelab	25
5.	Tabung Pembangunan	30
6.	Pusat Sumber/Makmal Komputer	10
7.	Yuran Peperiksaan	125
	JUMLAH	370

*Kadar yuran di atas tertakluk kepada pindaan 2025.

2.2 YURAN PENGAJIAN

Yuran pengajian adalah **percuma**. Berikut merupakan kadar yuran pengajian yang **ditaja** oleh Institusi mengikut setiap semester sepanjang pengajian.

BIL.	SEMESTER	NAMA KURSUS	(RM)
1.	Semester Satu	Akhlaq dan Tasawuf Hifz Al-Quran Syafawi 1 Hifz Al-Quran Tahriri 1 Bahasa Arab 1 Asas Qiraat Ilmi Penghayatan Etika dan Peradaban Ulum Al-Quran Ilmu Tajwid	2,700
2.	Semester Dua	Hifz Al-Quran Syafawi 2 Hifz Al-Quran Tahriri 2 Bahasa Arab 2 Bahasa Inggeris 1 Asas Qiraat Amali Aqidah Fiqh Al-Ibadat	2,025
3.	Semester Tiga	Kepimpinan Dan Kemahiran Interpersonal Hifz Al-Quran Syafawi 3 Hifz Al-Quran Tahriri 3 Bahasa Arab 3 Bahasa Inggeris 2 Pengantar Dakwah Qiraat Ilmi 1 Qiraat Amali 1	2,605
4.	Semester Empat	Kekeluargaan Islam Hifz Al- Quran Syafawi 4 Hifz Al-Quran Tahriri 4 Bahasa Arab 4 Ulum Hadith Tarannum Qiraat Ilmi 2 Qiraat Amali 2	2,605
5.	Semester Lima	Hifz Al- Quran Syafawi 5 Hifz Al-Quran Tahriri 5 Qiraat Amali 3 Dhabit Al-Quran & Fawasil Bahasa Arab 5 Tafsir Khidmat Masyarakat	1,830
6.	Semester Enam	Hifz Al- Quran Syafawi 6 Hifz Al-Quran Tahriri 6 Bahasa Arab 6 Tarikh Al-Quraa' & Tarikh Al-Mushaf	1,445

	Sirah	
	Jama' Qiraat Asyarah Sughra	
	Resam Al-Quran	
	JUMLAH KESELURUHAN	13,210

*Kadar yuran di atas tertakluk kepada pindaan 2025.

2.3 YURAN PERKHIDMATAN SEMESTER

Yuran ini dikenakan pada setiap semester kepada semua pelajar Diploma. Yuran ini boleh dibayar mengikut semester atau secara bulanan sepanjang semester. Yuran Perkhidmatan Semester adalah termasuk Penginapan, Makanan, Fasiliti, Utiliti, Kesihatan Dan Kebajikan, Program Wajib (Takwim), Perkhidmatan Kaunseling, Penyelenggaraan, Dan Pusat Islam bagi semester berkenaan. Kadar Yuran Perkhidmatan Semester adalah **RM 2,280.00/semester.**

*Kadar yuran di atas tertakluk kepada pindaan 2023.

2.4 YURAN KEPERLUAN

Yuran keperluan dikenakan **SEKALI sahaja** kepada pelajar baru sepanjang pengajian di Institusi. Barang keperluan wajib ada dan menjadi pilihan sekiranya pelajar telah mempunyai keperluan tersebut sewaktu berada di menengah atas ADDIN. Yuran keperluan hendaklah dibayar semasa pelajar mendaftarkan diri ke Institusi. Maklumat yuran keperluan adalah seperti berikut :

BIL.	PERKARA	LELAKI	PEREMPUAN
		(RM)	(RM)
1.	Kad Matrik	16	16
2.	<i>Cadar/Sarung Bantal(Biru)**</i>	33	33
3.	Baju Kokurikulum	40	45
4.	Kain Baju Kuliah (Hijau) (3m)	36	
5.	<i>Selimut ADDIN (Biru)**</i>	40	
6.	<i>Kopiah ADDIN (Hitam)**</i>	19	
7.	Tie Clip	15	
8.	Kain Tudung (Kuning) (2m)		25
9.	Kain Baju Kuliah (Hijau) (4m)		48
10.	Collar Pin		10
11.	<i>Selimut ADDIN (Merah Jambu)**</i>		40
JUMLAH		199	217

*Kadar yuran di atas tertakluk kepada pindaan 2025.

** *Pilihan.* Jika sudah ada, tidak perlu dibeli. Boleh rujuk kepada Bahagian Kewangan (011-5858 7077) sebelum membeli.

2.5 SENARAI BUKU DAN KITAB

Pembelian buku dan kitab dikenakan pada setiap semester. Pembelian buku dan kitab ini adalah pilihan. Pelajar boleh memilih samada untuk membelinya sendiri di luar atau membeli di koperasi LTDQ ADDIN Tapah. Jika memilih untuk membeli di Institusi, pembelian boleh dibuat **selepas pelajar mendaftarkan diri** ke Institusi (jika ada). Maklumat buku dan kitab mengikut semester adalah seperti berikut :

BIL.	SEMESTER	BUKU
1.	Semester Satu	Al-Quran Tahriri (30 Juzuk)
		Bahasa Arab 1 Al-Lughatul Arabiah, Kitabul Awwal (<i>Jabatan Bahasa Darul Quran</i>)
		Pengajian Malaysia (<i>Mardiana & Hasnah Hussin</i>)
		Matan Syatibi (<i>Al-Qasim Bin Firruh Bin Khalaf Bin Ahmad</i>)
		Matan Ad-Durrah Al-Mudhiyyah (<i>Ibn Al-Jazari</i>)
		Taqrib Al-Ma'ani Fi Syarh Hirz Al-Amani Fi Al-Quran Al-Sab' (<i>Sayyid Lasyin Abu Al-Farah & Khalid Mhammad Al-Hafiz</i>)
		Taqrib Ad-Durrah (<i>Muhammad Abdul Hamid Abdullah</i>)
		Tafsir Al-Quran Wa Mabadiuhu (<i>Jabatan Pengajian Usuluddin Darul Quran Jabatan Kemajuan Islam Malaysia</i>)
		Mabahis Fi Ulum Al-Quran (<i>Manna' Al-Qattan</i>)
		Ahkam At-Tajwid Wa Fadhill Al-Quran (<i>Muhammad Mahmud Abd Al-Alim</i>)
2.	Semester Dua	Mushaf Al-Quran Qiraat Asyara (<i>Cetakan Dar Hakamah</i>)
		Bahasa Arab 2 Al-Lughatul Arabiah, Kitab As-Tsani (<i>Jabatan Bahasa Darul Quran</i>)
		Muzakkirat Aqidah (<i>Jabatan Pengajian Islam Darul Quran</i>)
		English For You
3.	Semester Tiga	Bahasa Arab 3 Al-Lughatul Arabiah, Kitab As-Tsalis (<i>Jabatan Bahasa Darul Quran</i>)
		Taysir Mustolah Hadis (<i>Mahmud Al-Tahhan</i>)
		Al-Wafi Fi Syarhi Al-Arbain Nawawiah (<i>Imam An-Nawawi</i>)
		Kepimpinan Dan Hubungan Interpersonal (<i>Ishak Md Shah</i>)
		Pengantar Dakwah (<i>Ab. Aziz Mohd. Zin</i>)

4.	Semester Empat	Bahasa Arab 4 Al-Lughatul Arabiah, Kitab Ar-Rabi' (<i>Jabatan Bahasa Darul Quran</i>)
		Undang-Undang Kekeluargaan Islam Aturan Perkahwinan (<i>Dr Mat Saad Abd Rahman</i>)
		Undang-Undang Kekeluargaan Islam Wilayah Persekutuan (Akta 303)
		Syarh Talkhis Al-Fawaid Wa Taqriba Al-Mutaba'id (<i>'Ali Bin Uthman Bin Muhammaf Bin A-Qosih</i>)
		Qawa'id Tarannum (<i>Nik Jaafar Bin Nik Ismail</i>)
5.	Semester Lima	Irsyad At-Tolibin Ila Ad-Dhobti Al-Kitab Al-Mubin (<i>Muhammad Muhammad Salim Muhaisin</i>)
		Al-Fiqh Al-Manhaji A'la Mazhab Al-Syafi'e (<i>Dr Mustaffa Al-Khin, Mustaffa Al-Bugha & Ali Al-Syarbajiy</i>)
		Al-Faraaid Al-Hisan Fi' Add Ai Al-Quran (<i>Syeikh Abdul Fatah Al-Qadhi</i>)
6.	Semester Enam	Tarikh Al-Qurra' Al-'Asyar Wa Ruwaitihim Wa Manhaj Kull Fi Qiraah (<i>Abdul Fattah Al-Qadhi</i>)
		Tarikh Al-Mushaf Al-Syarif (<i>Abdul Fattah Al-Qadhi</i>)

*Maklumat buku dan kitab di atas tertakluk kepada pindaan 2025 . Harga buku dan kitab beserta pembelian boleh dirujuk di Bahagian AKADEMIK.

2.6 KADAR PEMBAYARAN KESELURUHAN YURAN

Berikut adalah jadual kadar pembayaran yuran pelajar mengikut semester sepanjang pengajian.

	SEMESTER SATU (RM)	SEMESTER DUA (RM)	SEMESTER TIGA (RM)	SEMESTER EMPAT (RM)	SEMESTER LIMA (RM)	SEMESTER ENAM (RM)
1. YURAN PENDAFTARAN	505	370	505	370	505	370
2. YURAN PENGAJIAN	2700**	2025**	2605**	2605**	1830**	1445**
3. YURAN PERKHIDMATAN SEMESTER	2280	2280	2280	2280	2280	2280
4. YURAN KEPERLUAN	L 199	P 217				
JUMLAH KESELURUHAN	L 5678	P 5696	4675**	5390**	5255**	4615**
JUMLAH PERLU DIBAYAR	L 2984	P 3002	2650	2785	2650	2785
						2650

*Kadar yuran di atas tertakluk kepada pindaan 2025.

** Yuran Pengajian percuma (Tajaan).

Petunjuk :

L - LELAKI

P - PEREMPUAN

- Pembayaran boleh dibuat melalui

Jenis Bank : Bank Kerjasama Rakyat Malaysia (Bank Rakyat)

No. Akaun 1100 5045 53

Penama Akaun : Maahad Tahfiz Al-Quran Wal-Qiraat ADDIN 4

Reference : Nama Pelajar/Yuran

No. Tel : 011-5858 7088 (Resit pembayaran perlukan dimaklumkan kepada Bahagian Kewangan) .

2.7 KAEDAH PEMBAYARAN YURAN PELAJAR

Pelajar dikehendaki membuat pembayaran **YURAN PENDAFTARAN** (Semua Semester) dan **YURAN KEPERLUAN** (Semester 1 sahaja) semasa pendaftaran. Semua pembayaran yuran hanya secara atas talian (*online banking*) sahaja. Sila rujuk jadual kaedah bayaran untuk membuat pembayaran.

	<p>A) Bayaran di kaunter Bank Kerjasama Rakyat Malaysia (Bank Rakyat)</p> <ul style="list-style-type: none"> • Bayaran boleh di buat dimana-mana kaunter cawangan Bank Rakyat. • Isikan borang masuk duit • Bayaran kepada : Maahad Tahfiz Al Quran Wal Qiraat Addin 4 1100 5045 53 • Masukkan jumlah bayaran • Hantarkan salinan slip bayaran ke <i>Whatsapp</i> 011-5858 7088 (Kewangan MTQ4) beserta nama pelajar <p>B) Bayaran secara perbankan atas talian (<i>online banking</i>)</p> <ul style="list-style-type: none"> • Bayaran secara atas talian boleh dibuat dimana-mana jenis bank • Bayaran kepada : Maahad Tahfiz Al Quran Wal Qiraat Addin 4 1100 5045 53 • Masukkan jumlah bayaran • Tuliskan <i>reference</i> : YURAN/Nama Pelajar • Hantarkan salinan slip bayaran ke <i>Whatsapp</i> 011-5858 7088 (Kewangan MTQ4) beserta nama pelajar
---	--

Sila pastikan pelajar memasukkan nombor akaun dan jumlah yang betul semasa membuat transaksi bayaran dan bukti pembayaran perlu disimpan untuk rujukan. Sekiranya bayaran tidak dibuat mengikut kaedah yang dibenarkan, pelajar perlu bertanggungjawab di atas masalah yang timbul.

2.8 TAJAAN


Pelajar yang mendapat tajaan biasiswa atau bantuan kewangan di mana-mana agensi bertanggungjawab untuk memastikan penaja membayar yuran setiap semester

2.9 TARIK DIRI/TANGGUH PENGAJIAN

Bagi pelajar yang menarik diri atau menangguh pengajian, bayaran yang telah dibuat kepada Institusi **tidak** akan dipulangkan.

2.10 SEMAKAN AKAUN YURAN PELAJAR

Pelajar hendaklah dari masa ke semasa menyemak akaun yuran pelajar bagi memastikan semua yuran telah dijelaskan atau belum. Pelajar juga hendaklah memeriksa semua transaksi adalah tepat dan memaklumkan kepada Bahagian Kewangan jika terdapat sebarang masalah mengenai yuran. Semakan akaun boleh dibuat melalui laman sesawang di alamat :



Sebarang pertanyaan dan maklumbalas boleh diajukan kepada Bahagian Kewangan 011-5858 7088 (*Whatsapp* sahaja) atau email mtq4tapah@gmail.com.

3. TINDAKAN JIKA GAGAL MENJELASKAN YURAN

Pelajar yang gagal menjelaskan semua bayaran selepas tempoh yang ditetapkan boleh dikenakan mana-mana tindakan berikut :

- i) Diberhentikan
- ii) Tidak dibenarkan menduduki peperiksaan
- iii) Tidak dibenarkan melihat keputusan peperiksaan
- iv) Digantung pengajian
- v) Ditahan dari menghadiri kuliah
- vi) Tidak dibenarkan mengambil sijil dan transkrip
- vii) Dikenakan Tindakan Undang-Undang melalui perintah Mahkamah

4. TABUNG BANTUAN KEPADA PELAJAR

4.1 SKIM GALAKAN TAHFIZ YAYASAN ADDIN

Pada permulaan setiap semester, Yayasan ADDIN akan menerima senarai nama yang pelajar cemerlang dan akan menaja **Yuran Perkhidmatan Semester** bagi pelajar yang mendapat nilai tertinggi mengikut semester. Berikut adalah jadual jumlah tajaan mengikut Purata Nilaian Gred (PNG) mengikut semester :

BIL.	JENIS SKIM GALAKAN	PNG	JUMLAH TAJAAN	(RM)
1.	Skim A	3.80 – 4.00	100%	2280
2.	Skim B	3.50 – 3.79	70%	1596
3.	Skim C	3.30 – 3.49	50%	1140

*Kadar Skim di atas tertakluk kepada pindaan 2025 mengikut semester.

4.2 TABUNG AMANAH ZAKAT

I. AGIHAN ZAKAT

Yayasan ADDIN di beri amanah melaksanakan pungutan dan pengagihan zakat berdasarkan kepada Fatwa Pengurusan Zakat Kerajaan Negeri Perak. Oleh itu, kuasa mengagihkan zakat diperuntukkan kepada pelajar LTDQ ADDIN Tapah sahaja.

II. SYARAT-SYARAT PEMOHONAN ZAKAT YAYASAN ADDIN

- Pemohon mestilah sedang belajar dalam LTDQ ADDIN.
- Pemohonan adalah sekali bagi setiap semester pengajian.
- Tempoh pengajian mestilah melebihi tempoh 1 semester atau 6 bulan.
- Pelajar yang telah mendapat mana-mana bantuan dari pihak lain adalah tidak layak memohon.
- Permohonan zakat boleh dibuat sendiri melalui laman sesawang www.maahadtahfizaddin.edu.my

4.3 BANTUAN BAITULMAL MAIPK

- I. Borang pemohonan bantuan boleh di muat turun di laman sesawang ASIS Diploma.
- II. Sila hantar borang yang telah di lengkapkan ke Persatuan Kebajikan Mahasiswa ADDIN (PERMAD) bagi proses pengesahan borang zakat negeri pada setiap minggu ke 4 semester baru.
- III. PERMAD akan menguruskan proses penegesahan borang zakat negeri melalui pejabat pendaftar untuk tempoh 2 minggu.
- IV. Pihak Pendaftar akan menyerahkan Borang yang telah di perakukan kepada PERMAD untuk proses penyerahan kepada badan zakat yang mengikut negeri pada minggu ke 6 setiap semester baru.

5. PEMOHONAN SUMBER BAGI PENGURUSAN KEWANGAN AKTIVITI MAHASISWA

5.1 BAGAIMANA MAHASISWA INGIN MENGADAKAN PROGRAM?

Hantar kertas cadangan mengadakan program yang telah di luluskan oleh Ketua Jabatan Hal Ehwal Pelajar ke Pejabat Pentadbiran selewatnya **2 bulan** sebelum tarikh cadangan program.

5.2 APAKAH KAEDEAH UNTUK MENGURUSKAN PENDAPATAN PROGRAM?

Setiap **pelaporan hasil pendapatan program beserta salinan penyata bank tarikh iklan sumbangan** di lancarkan sehingga tarikh program di laksanakan hendaklah dilaporkan kepada pegawai kewangan selewatnya **satu minggu** selepas dari tarikh program dijalankan.

5.3 APAKAH KAEDEAH UNTUK MENGURUSKAN PERBELANJAAN PROGRAM?

Perbelanjaan program boleh di buat untuk 3 aspek:

5.3.1 Salinan sebut harga syarikat, pesanan rasmi pengajur program, bil atau invoice diserahkan kepada pegawai kewangan bagi proses pengeluaran sumber dan akan di bayar oleh bendarai program berkenaan.

5.3.2 Bayaran kepada panel atau penceramah(digalakkan penceramah dari kalangan pensyarah DQ, LTDQ, atau MTQ ADDIN) akan di bayar terus oleh pegawai kewangan kepada penceramah.

5.3.3 **Pinjaman wang pendahuluan** boleh dipohon kepada pejabat pentadbiran untuk dikeluarkan bagi melancarkan persiapan program. Berikut adalah syarat-syarat mengeluarkan wang pendahuluan:

- i. Maxima sebanyak RM500.
- ii. Dipohon melalui ‘Borang Wang Pendahuluan Aktiviti Mahasiswa’.
- iii. Di kepilkan bersama borang wang pendahuluan adalah; bahagian belanjawan program yang telah di luluskan.
- iv. Kelulusan adalah terhad kepada persatuan/ kelab yang telah melunaskan bayaran wang pendahuluan program sebelumnya.
- v. Jumlah pendahuluan yang akan diluluskan juga dinilai berdasarkan penjelasan kukuh pemohon.
- vi. Wang pendahuluan yang dipohon adalah hutang mahasiswa kepada LTDQ.

6. DIREKTORI

Pejabat Pentadbiran,
Lokasi Tambahan Darul Quran,
Maahad Tahfiz Al-Quran Wal-Qiraat ADDIN 4,
Kampung Jalan Kachu,
35000 Tapah,
Perak Darul Ridzuan.
05-401 8199

Yayasan Pendidikan Maahad Tahfiz Al Quran ADDIN Perak,
Tingkat 1 Kompleks Pendidikan Masjid Al Aulia,
Taman Sin Lok, Jalan Kuala Kangsar ,
30010 Ipoh,
Perak Darul Ridzuan.
05-506 0223